

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
PROGRAM PRIHATIN NON-RESIDEN
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**12 NOVEMBER 2025 | RABU | 8.00 MALAM
PUSAT KHIDMAT PELAJAR
UNIT PENGURUSAN NON-RESIDEN**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Tuan Haji Mohd Hanif Md. Sultan

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Puncak Alam

YBrs. Dr. Noor Azly Mohammed Ali

Pengetua Non-Residen

UiTM Cawangan Selangor

Barisan Unit Pengurusan Non-Residen

Barisan SRK Non-Residen

Ahli Jawatankuasa Pelaksana

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan, mahasiswa yang saya kasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam **Majlis Program Prihatin Non-Residen** pada malam yang penuh bermakna ini.
2. Untuk makluman hadirin sekalian, program yang diadakan pada hari ini merupakan manifestasi keprihatinan UiTM bersama komuniti dalam

memastikan kebajikan pelajar Non-Residen sentiasa diutamakan dan diberi perhatian.

3. Kita sedar bahawa pelajar Non-Residen berdepan cabaran yang berbeza berbanding pelajar yang tinggal di kolej, khususnya dalam aspek mobiliti, pengurusan masa, keselamatan serta kos sara hidup yang semakin meningkat.
4. Sehubungan itu, Program Prihatin NR diwujudkan sebagai satu inisiatif untuk:
 - i. Memberikan sokongan keperluan asas kepada pelajar,
 - ii. Menjalin hubungan erat antara mahasiswa NR dan pihak universiti,
 - iii. Memastikan kebajikan serta kesejahteraan pelajar sentiasa menjadi fokus utama.

Hadirin yang dihormati,

5. UiTM bukan hanya menyediakan pendidikan akademik, tetapi juga memberi perhatian terhadap kesejahteraan sosial dan emosi pelajar.
6. Kita mahu setiap pelajar, termasuk yang tinggal di luar kampus, merasai sokongan dan perhatian daripada pihak universiti agar mereka tidak berjuang seorang diri dalam menempuh kehidupan sebagai mahasiswa.
7. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada **Pertubuhan Kebajikan Puncak Alam** atas kerjasama yang terjalin dalam menjayakan program ini.

8. Semoga usaha baik yang dilaksanakan pada hari ini membawa keberkatan, manfaat dan kebaikan kepada kita semua.

Kepada para pelajar NR sekalian,

9. Saya ingin berpesan agar saudara dan saudari terus berusaha mencapai kecemerlangan akademik.

10. Walau apa jua cabaran yang dihadapi, ia bukanlah penghalang, tetapi pemangkin kepada kejayaan. Jadikan setiap ujian sebagai pengalaman dan kekuatan baharu untuk melangkah lebih jauh.

11. Akhir kata, saya berharap program ini dapat memberi manfaat dan menjadi titik permulaan kepada lebih banyak usaha kebajikan khususnya

buat pelajar Non Residen UiTM Cawangan Selangor.

12. Sekalung penghargaan sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat, secara langsung mahupun tidak langsung.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**